



KOTA KINABALU, 25 April – Atlet Universiti Putra Malaysia (UPM) dinobatkan sebagai atlet terbaik universiti dalam anugerah Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2010 yang telah diadakan di One Borneo pada 9 April lalu.

Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin memberi anugerah tersebut kepada Kevin Yap Soon Choy cemerlang dalam bidang renang dan Leong Mun Yee dalam bidang sukan terjun.

UPM turut meraih anugerah bagi kategori olahragawati yang dimenangi oleh Chai Fong Ying, kategori bintang harapan lelaki oleh Uriel Yu En French, anugerah khas kepada Mahali Jasuli dan sukan regu sepak takraw sebagai pasukan lelaki terbaik MASUM.



Majlis bertujuan memberi penghargaan MASUM kepada orang perseorangan dan persatuan sukan atau pertubuhan-pertubuhan yang berkenaan di atas jasa perkhidmatan serta kepimpinan ke arah kemajuan sukan.

Pengiring atlet UPM, Mohd Zailani Mohd Yasin berkata kejayaan diperolehi adalah hasil usaha dan gigih di dalam menyumbang emas kejohanan terkini seperti SUKMA.